

Sinar Harian 14/10/2008
Bantu nelayan jana nis s
pendapatan tambahan

NELAYAN yang terlibat dengan musim tengkujuh perlu dibantu dengan diberi peluang mengusahakan projek ekonomi khusnya penternakan ikan.

Tze Tzin berkata, projek akukultur membolehkan nelayan memperoleh pendapatan sampingan, khususnya ketika mereka tidak dapat ke laut kerana bergelora.

Katanya, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Kawasan perlu membantu usaha ini.

"Jika projek ini berjaya, nelayan tidak lagi mengharapkan Elaun Sara Hidup," katanya pada Majlis Ramah Mesra Bersama Nelayan dan Agropenuer Muda di Tok Bali, Pasir Puteh.

Menurutnya, Elaun Sara Hidup akan dikekalkan jika ia tidak menjaskan perancangan ekonomi pada masa akan datang.

Katanya, sekiranya dikekalkan, pemutihan kepada senarai penerima elauan itu akan dilakukan bagi memastikan hanya nelayan berkelayakan sahaja menerimanya.

"Kita tidak nafikan ada penerima elauan tidak turun ke laut pun, kita tidak mahu lagi perkara ini berlaku," katanya.